

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah mangsa banjir yang kehilangan rumah dan penyelesaian jumlah rumah yang dibina dari 1 Januari 2015 hingga 30 April 2015.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang mengalami kemusnahan tempat tinggal yang disahkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri adalah seramai 2,094 Ketua Isi Rumah. Sehingga **5 Mei 2015**, selepas verifikasi lanjut dilaksanakan, hanya 1,985 Ketua Isi Rumah yang dikenal pasti layak menerima bantuan Rumah Kekal Baru.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan akan membina sebanyak 1,412 unit Rumah Kekal Baru manakala Kerajaan-kerajaan Negeri akan membina sebanyak 573 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) unit Rumah Kekal Baru yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 275 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 112 unit lagi dalam peringkat pra-pembinaan.

Sekian. Terima kasih.